

Kontinjen UMSKAL hadapi tugas mencabar kekal kejuaraan Sukan Staf UMS

UB 23-1-2014 A14

LABUAN: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menggalas dua tugas mencabar mempertahankan kejuaraan Sukan Staf UMS tahun ini dan menjadi tuan rumah Sukan Staf Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Borneo tahun hadapan.

Pengarah UMSKAL

Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, tugas mencabar itu hendaknya dihadapi dengan penuh persediaan latihan fizikal dan mental sejak awal dan tidak menunggusehingga kejohanan menjelang tiba.

“Jadikanlah latihan kesukanan sebagai satu riadah yang berterusan. Mudah-mudahan apabila tiba kejohanan setiap atlet dalam

kontinjen sudah bersedia sepenuhnya,” kata Ismail ketika majlis penyerahan bendera kontinjen yang diterima oleh Pegawai Belia dan Sukan UMSKAL, Gabriel Moinjil.

Bagaimanapun Ismail mengingatkan para atlet kontinjen agar selalu mengutamakan semangat kesukanan apabila bersaing

di gelanggang pertandingan di samping mengelakkan perkara yang boleh mengakibatkan kejadian yang memudaratkan.

Sukan Staf UMS Ke-14 diadakan di UMSKAL 24-26 Januari manakala 13-16 Februari diadakan di kampus induk UMS Kota Kinabalu.

Pelbagai acara dipertandingkan meliputi

sukan dalaman (indoor game), gelanggang, padang, balapan, bolasepak pantai dan kayak.

Turut hadir Timbalan Pengarah UMSKAL Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Sains dan Informatik (SSIL) Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa

Labuan (SPKAL) Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin dan Timbalan Pendaftar UMSKAL Kapten Zamri Mohammad Tuah.

Ismail seterusnya berharap para atlet bersungguh-sungguh membawa cabaran pada kejohanan peringkat UMS kerana pencapaian para atlet dapat menentukan tempat untuk mewakili

universiti ke Sukan Staf Antara Universiti di Malaysia.

Sebagai tuan rumah kepada Sukan Staf IPT Borneo 2015, Ismail berharap kontinjen UMSKAL dapat mempersiapkan diri menerima kehadiran lebih banyak kontinjen ke medan kejohanan di kampus Labuan.